

**BERITA ONLINE  
HARIAN METRO  
TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (SELASA)**



**PEMBANGUNAN VAKSIN DI PERINGKAT AWAL [METROTV]**

Kuala Lumpur: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) sudah memohon peruntukan awal sebanyak RM20 juta untuk pembangunan vaksin Covid-19 tahun depan.

Menterinya, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, ia adalah pada peringkat awal untuk membangunkan vaksin menggunakan teknologi baru seperti mRNA.

Katanya, ia turut membabitkan kolaborasi dengan pihak luar untuk memastikan ia dapat dibangunkan lebih cepat.

"Pembangunan vaksin Covid-19 di negara ini perlu ditentukan kaedahnya sama ada menggunakan virus tidak aktif atau pun yang terbaru teknologi mRNA," katanya pada sesi penggulungan perbahasan usul menjunjung kasih titah diraja bagi kementeriaannya, di Dewan Rakyat, hari ini.



Beliau berkata, suntikan kepada pelajar yang sudah mula diberikan adalah dari jenis Pfizer dan ia sudah pun dilancarkan baru-baru ini.

Katanya, data klinikal menunjukkan keberkesanan kepada kanak-kanak dan mempunyai manfaat yang lebih.

"Kita bekerjasama dengan syarikat berkaitan kerajaan sama ada untuk 'fundamental fundings', 'experimental fundings' atau pun komersial.

"Dana ini tidak mencukupi, kita menjangkakan kerjasama dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Khazanah kerana ia adalah projek strategik untuk masa depan," katanya.

**Disiarkan pada: September 23, 2021 @ 6:15pm**